

TALKING POINTS

**Y.BHG. PROF. DATUK DR. SHAHRIN BIN SAHIB
NAIB CANSELOR UTeM**

Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan

**Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Teknikal Malaysia
Melaka (UTeM) Sesi 2017/2018**

11 Oktober 2017, Auditorium Canselori 2.30 petang

Terima Kasih Saudara/i Pengacara Majlis,

SALUTASI

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia

Salam Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau, Melaka 755 tahun, Melaka Maju Fasa 2, Berkat, Tepat, Cepat.

PENDAHULUAN

1. Penyerahan watikah pelantikan ini sebagai satu simbolik kepada usaha yang lebih bersemangat untuk menyandang tanggungjawab yang telah diamanahkan.
2. Syabas dan tahniah kepada Pejabat Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama pihak Fakulti kerana telah menjalankan tanggungjawab pemilihan MPP tanpa ada insiden yang tidak diingini berlaku.
3. Ribuan terima kasih kepada kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar UTeM sesi 2016/2017 yang telah diterajui oleh Saudara Abdul Hanif bin Abdul Rani bersama barisan Exco beliau.
4. MPP sebagai pengantara penting antara pelajar dan pengurusan Universiti.

PROSES PILIHAN MPP

5. Pada 5 Oktober 2017, sebanyak **11 pusat** pembuangan undi telah dibuka melibatkan semua fakulti, makmal dan pusat persatuan pelajar.
6. **30 kerusi telah dipertandingkan dengan pecahan 22 kerusi fakulti dan 8 kerusi umum.** Hanya 1 kerusi fakulti dimenangi tanpa bertanding, dan selebihnya sebanyak 29 kerusi dipertandingkan.
7. Peratusan pelajar yang keluar mengundi : FKE (65.67%), FKEKK (75.51%), FKP (83.70%), FKM (70.86%), FTMK (56.55%), FPTT (85.76%), FTK (68.01%), PPS (12.38%) menjadikan peratusan pelajar keluar mengundi adalah **66.60% (7,608/11,424 pelajar)**.
8. Tahniah diucapkan kepada **Fakulti FPTT** kerana telah mencatatkan peratusan pelajar mengundi yang tertinggi selama **5 tahun berturut-turut.**

9. Pada tahun hadapan diharapkan peratus pelajar yang keluar mengundi secara keseluruhan dapat dipertingkatkan lagi, bagi memperoleh hasil suara/undian yang lebih menyeluruh.

PENUBUHAN MPP

10. Majlis Perwakilan Pelajar ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.
11. Fungsi utama penubuhan MPP adalah untuk menjadi agen perantara antara dua pihak, iaitu pihak Pengurusan Universiti dan pihak pelajar khususnya berkaitan dengan kebijakan dan keperluan pelajar.
12. MPP bertanggungjawab dalam merancang dan mengendalikan pelbagai aktiviti yang berfaedah bagi mewujudkan suasana kehidupan pelajar Universiti yang lebih ceria dan harmonis.

13. Rujuk **Perlembagaan UTeM, P.U. (A) 470** yang boleh dimuat turun dari laman sesawang UTeM dan merujuk kepada Seksyen 57 yang menerangkan secara jelas berkenaan Majlis Perwakilan Pelajar.

PENUTUP

14. Ucapkan tahniah kepada barisan kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar UTeM sesi 2017/2018 yang baru dilantik.
15. Jika memerlukan sebarang pandangan dan nasihat boleh rujuk terus Pejabat Naib Canselor dan Pejabat HEP.
16. Semoga kerjasama antara pihak pengurusan Universiti dan MPP ini dapat diteruskan demi kebaikan kita semua khususnya kepada UTeM tercinta.

Bulan bersinar sungguh indah,
Terang halaman disuluh cahaya,
Barisan MPP terpilih sudah,
Sekalung tahniah semoga berjaya.

Elok bermain di anak gajah,
Asyik dilihat si anak rusa,
MPP baru melangkah gagah,
Hasrat hati menabur jasa,

Untuk mantan MPP,

Daun gaharu si daun palas,
Alas duduk puteri kayangan,
Jasa saudara saudari tidak terbalas,
Seumur hidup menjadi kenangan.

Sekian *wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum wr. wbth.*

Terima kasih.